



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | |
| TARIKH | : | 2/1/2020 | MUKA SURAT | : |
| JABATAN | : | JPSM | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

Manfaat kepelbagaian biologi pacu ekopelancongan

Malaysia antara negara ke-12 teratas kaya dengan kepelbagaian biologi di dunia. Ini sudah tentu memberi gambaran negara sumber semula jadi ini amat menarik untuk dinikmati pelancong, terutama dari negara bukan tropika.

Malah, Malaysia diakui setanding negara yang tinggi kepelbagaian biologi lain di Asia Tenggara seperti Indonesia, Filipina dan Papua New Guinea yang menawarkan keindahan alam semula jadi seperti kehijauan hutan tropika, sungai yang bersih serta pantai berpasir tempatan yang selalu ingin dinikmati pelancong.



Prof. Dr. Ahmad Ismail

Destinasi seperti Taman Negara, Royal Belum, Ulu Muda, Endau Rompin, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Pulau Perhentian sudah sekian lama menjadi tumpuan pelancong. Sarawak dan Sabah juga menawarkan banyak tempat istimewa yang menjadi tarikan pelancong yang meminati alam semula jadi.

Ekoopelancongan memang sudah menjadi trend semasa dalam industri pelancongan. Namun, bagi Malaysia, sudah sampai masanya kerajaan melibet sumber ekopelancongan negara dijaga dengan baik dari semua aspek. Ini membolehkan aspek pembangunan lestari, mengatasi pencemaran dan memastikan kemampuan sesuatu tem-


pat untuk menerima pelancong.

Ini kerana banyak lagi tempat baharu yang sememangnya berpotensi menjadi sumber ekopelancongan negara. Antaranya seperti Jenral Geopark dan Ulu Muda di Kedah, kompleks hutan dan gua di Perlis serta hutan simpan Pantit di Johor.

Semua kawasan ini perlu dilihat secara serius dan perlu dilindungi sunber semula jadinya. Sebagai contoh, Jenral Geopark mempunyai tarikan seperti Pulau Songong, Pulau Telor dan Pulau Bidan yang perlu disimpan untuk peminat ekopelancongan seperti meminati batu karang, memancing serta sumber makanan laut.

Persatuan Pencinta Alam (MNS) sendiri banyak melatih penduduk tempatan mengenai ekopelancongan, antaranya dengan membabitkan masyarakat Orang Asli sebagai penjaga burung enggang di Royal Belum.

Di sana terdapat 10 spesies burung enggang di hutan Royal Belum yang boleh menarik pelancong dunia dan Orang Asli dilatih menyokong aktiviti ekopelancongan yang lestari. Susulan itu, kawalan bilangan pengunjung, pembibitan penduduk tempatan dan peluang menikmati keindahan serta keindahan alam semula jadi, perlu menjadi perhatian penting bagi menjamin kelestarian ekopelancongan negara.



Bagaimanapun, MNS tidak sesekali menolok bahawa ekopelancongan menjadi pekerjaan atau pendapatan penduduk luar bandar.

Ini kerana kelestarian kepelbagaian biologi, selain perkhidmatan ekosistem hutan lainnya terbuka memberi manfaat kepada manusia secara langsung atau tidak langsung.

Namun, Malaysia perlu bersedia dengan peruntukkan bagi penyelenggaraan, pemantauan destinasi utama ekopelancongan.

Contohnya, lokasi tarikan di Taman Negara perlu disediakan infrastruktur yang mesra pengunjung, tetapi wajib dipastikan usaha itu dilakukan tanpa merosakkan lantai hutan serta flora dan fauna.

Gabungan bajet Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mungkin boleh difikirkan serta diagihkan untuk destinasi ekopelancongan.

Selain itu, pemantauan berterusan menerusi nasihat pakar dan badan bukan kerajaan (NGO) berwujud juga perlu ada untuk memastikan pelancongan Malaysia bukan saja bertaraf dunia, malah kelestarian yang ada dijaga sepenuhnya.

Penulis adalah Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)

BA-11 2/1/21